

14 OCT 1996

YAYASAN JACTIM MAHU GALAKKAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Yayasan Dewan Perdagangan dan Industri Jepun, Malaysia (JACTIM) akan mengumpul RM600,000 setahun bagi menggalakkan kegiatan bercorak pendidikan, kebudayaan dan kesenian di kalangan rakyat Malaysia.

"JACTIM ditubuhkan pada tahun 1983 bagi meningkatkan hubungan ekonomi Malaysia-Jepun tetapi usaha sedemikian tidak wujud dalam bidang kebudayaan dan kesenian," kata Pengerusi JACTIM, Tan Sri Kazumasa Suzuki dalam ucapannya semasa pelancaran Yayasan JACTIM oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Katanya, Yayasan tersebut telah ditubuhkan pada bulan November 1994 dan objektif utamanya ialah menerima derma daripada semua ahli JACTIM dan mengagihkannya kepada pertubuhan yang tiada keuntungan bagi menggalakkan kebudayaan dan kesenian Malaysia.

Bagi tahun ini, Yayasan JACTIM menghulurkan bantuan kewangan sebanyak RM98,000 bagi Program Pengajian Jepun di Universiti Malaya, RM180,000 kepada Orkes Simfoni Negara Malaysia dan RM125,000 bagi program penanaman pokok yang dipanggil "Green Donation".

Bagi memupuk kesedaran tentang perlindungan alam sekitar sedunia, kata Suzuki, "Green Donation" atau sumbangan hijau telah mengenal pasti 27 buah sekolah di mana 3,000 pokok akan ditanam.

Katanya, yayasan tersebut akan juga mengkaji kemungkinan menanam pokok di seluruh Malaysia, bukan sahaja di sekolah, malah juga di tempat-tempat khalayak yang lain. -- BERNAMA

SHO ky/sia